

Perniagaan yang bermula dengan sekadar hobi bukanlah topik yang baharu dibincangkan dalam bidang perniagaan. Minat dan hobi yang merupakan kegemaran yang dilakukan pada masa lapang boleh menjadi satu idea perniagaan apabila terdapat peluang dan sasaran pasaran. Pakar perniagaan internet, Irfan Khairi pernah membincangkan topik ini di blog beliau di mana beliau menyarankan agar pengguna yang ingin menambah pendapatan secara sampingan boleh mengubah hobi mereka kepada perniagaan dalam talian. Antara contoh hobi yang boleh menjadi idea perniagaan adalah minat bermain badminton yang ditukarkan kepada ebook berkaitan tips bermain badminton dan minat memasak yang ditukarkan kepada resepi-resepi yang dijual ke negara luar secara di dalam talian. Jika ditelusuri laman-laman sesawang perniagaan, terdapat pelbagai perniagaan yang telah berjaya yang pada awalnya hanya bermula dengan hobi. Artikel ini memaparkan kejayaan usahawan-usahawan yang telah berjaya dalam pelbagai bidang perniagaan hanya bermula dengan hobi atau minat yang mendalam dalam bidang tersebut.



Sumber: Facebook Arnab Village
Ranau

Perniagaan berasaskan hobi yang pertama adalah Zety Roses. Peminat ros di Malaysia mungkin pernah berurusan dengan Zety Roses yang beralamat di Kampung Tanjung Aur, Jalan Pantai Ali Hulu Terengganu. Perniagaan ini diasaskan oleh Dr. Sh. Marzety Adibah Al Sayed Mohamad. Perniagaan yang bermula 4 tahun yang lalu awalnya hanya merupakan hobi beliau bersama seisi keluarga. Dr. Zety berkongsi minat dengan ibu beliau sejak kecil dan kini hobi tersebut menjana pendapatan sampingan yang turut menawarkan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat. Selain daripada minat, kepakaran beliau dalam bidang terapi seni ekspresif membolehkan beliau menyediakan khidmat terapi bunga ros. Zety Roses menjadi pusat sehati yang menawarkan taman jualan pelbagai jenis pokok ros, pembekal set penjagaan ros, pusat terapi ros komuniti, pusat penyelidikan dan penanaman ros, perunding landskap taman ros dan pusat jualan pelbagai produk berasaskan ros. Menariknya, produk Zety Roses adalah hasil daripada kajian saintifik dan sesuai untuk semua pokok bunga, sayuran serta buahan. Bagi melebarkan lagi sayap perniagaan, Zety Roses melantik ejen di seluruh Semenanjung Malaysia dan menawarkan rangkaian produk Zety Roses kepada pengguna secara dalam talian. Selain itu, terdapat pelbagai aktiviti bersama peminat ros telah dijalankan antaranya adalah Hari Anugerah Rosarian, Hari Cabutan Bertuah dan Jualan Sabtu serta Aktiviti Tutorial Bersama Zety Roses. Unikunya, syarikat ini turut menganjurkan lawatan UK Summer Rose Travel iaitu lawatan ke tempat penanaman ros yang terbaik di dunia di kalangan pelanggan mereka yang bertujuan untuk memberi pengalaman dan berkongsi ilmu ros yang baharu dan ditawarkan pada kos yang berpatutan.

Seterusnya, perniagaan berasaskan hobi yang kedua adalah Arnab Village di Ranau, Sabah. Arnab Village bertempat di Kg. Kibas, Ranau, Sabah. Arnab Village telah diasaskan oleh En. Jubair Juhin yang merupakan seorang graduan Sains Akuakultur dari Universiti Malaysia Sabah. Ia bermula dengan hanya memelihara sepasang arnab sebagai hobi di rumah keluarga beliau di Kampung Purakagis pada tahun 2015. Namun, berkat kesungguhan beliau membiak dan menambah koleksi arnab, sehingga kini beliau mempunyai lebih daripada 200 arnab daripada pelbagai spesies. Hasil daripada galakan dan rangsangan keluarga serta kawan-kawan, pada tahun 2016 beliau menjadikan arnab ternakan sebagai salah satu produk pelancongan. Arnab Village ini beroperasi dari jam 9:00 pagi sehingga 5:00 petang dengan harga tiket masuk RM7 untuk dewasa dan RM5 untuk kanak-kanak. Antara aktiviti menarik yang boleh dilakukan di Arnab Village adalah bermain, mengusap dan bergambar dengan arnab. Lebih menarik lagi, dengan bayaran RM2 untuk sebotol susu, pengunjung boleh memberi susu kepada arnab tersebut. Ini merupakan satu pengalaman yang unik dan bermakna yang sukar diperolehi di taman haiwan yang lain.

i-Divers merupakan perniagaan berasaskan hobi yang ketiga. Perniagaan ini diasaskan oleh Ustaz Muhammad Abdullah Al-Amin pada tahun 2013 yang menyukai cabaran dan ilmu baharu terutamanya sukan sunnah seperti berkuda, menembak dan berenang yang akhirnya mendorong beliau meneroka aktiviti menyelam. Minat yang mendalam dalam aktiviti menyelam mendorong beliau mengikuti latihan dalam bidang tersebut sehingga memiliki lesen menyelam professional (*course director*) (Keselamatan Awam) dari Amerika Syarikat dan turut diiktiraf sebagai Komandan Selaman Keselamatan Awam pada tahun 2017. Detik permulaan beliau terlibat secara serius dalam aktiviti menyelam adalah pada tahun 2014 ketika beliau membawa pelancong Malaysia ke Palestin tetapi dihalang masuk oleh Israel ke Palestin kerana membawa bantuan untuk rakyat Palestin. Dalam tempoh menunggu pelancong Malaysia menghabiskan percutian di Palestin, beliau mengambil peluang menyelam di sekitar Laut Mesir dan Cyprus. Seterusnya pada waktu yang lain beliau mengambil lesen lanjutan selaman di Mesir, Cyprus dan Sepanyol sebagai jurulatih. Pada tahun 2016, beliau lulus ujian mendapatkan lesen *course director*.

Kini antara sebahagian aktiviti perniagaan yang diusahakan oleh Ustaz Muhammad Abdullah ialah latihan kepada instruktur dan bakal instruktur bagi aktiviti menyelam. Antara latihan yang diberikan adalah seperti *Dive Medical Technician* kepada *Technical Divers*, ceramah kenali kerjaya profesional dunia bawah laut, ceramah skuba sebagai kerjaya dan *Aqua Syariah Camp* bagi anak-anak untuk program cuti sekolah. Beliau sedang mengusahakan agar i-Divers menjadi pusat menyelam bertauliah dan diiktiraf sijilnya di bawah Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Unikunya i-Divers bukan sekadar aktiviti menyelam tetapi penerapan nilai-nilai Islam melalui aktiviti tersebut. Selain itu, anak-anak muda yang mengikuti kursus menyelam ditaja sebahagian kursusnya dan mereka perlu membuat program amal secara fleksibel mengikut cara masing-masing selama 120 jam bagi membentuk generasi berkebakikan di samping melatih anak muda menyumbang kepada komuniti. Hakikatnya Ustaz Muhammad Abdullah merasakan aktiviti menyelam ini bukan sekadar hobi tetapi ia adalah sebagai khidmat dan dakwah. Sehingga kini Ustaz Muhammad Abdullah bersilih ganti mengajar dan belajar ilmu dan teknik selaman sebagai jihad beliau untuk memartabatkan sunnah Rasulullah S.A.W.



Sumber : Laman web Zety

K

esimpulannya, berdasarkan tiga contoh perniagaan di atas, hobi bukan sekadar idea perniagaan, malah ia dapat ditransformasikan kepada realiti perniagaan sebenar berdasarkan beberapa garis panduan. Pertama, menjana pendapatan melalui hobi memerlukan minat yang mendalam dan semangat yang tinggi. Ini diikuti dengan ilmu pengetahuan yang luas dalam bidang perniagaan yang diceburi yang perlu menjadi teras utama dalam menjalankan perniagaan. Pengusaha perlu menguasai ilmu berkaitan pengurusan dan juga teknik pemasaran produk bagi memastikan hasil jualan sentiasa berada pada tahap yang baik. Selain itu, kajian dan penyelidikan terhadap produk dan bidang yang diceburi perlu dilakukan bagi memastikan produk yang dihasilkan mampu memenuhi keperluan pelanggan. Akhirnya, sifat tekun dan rajin berusaha perlu diterapkan oleh pengusaha untuk terus mengasah kemahiran berniaga serta memperolehi kepuasan daripada keuntungan yang dihasilkan di samping meluaskan empayar perniagaan yang pada peringkat awalnya hanyalah merupakan satu hobi.

Rujukan:

- Abdullah M. I. U. (2016, October 30) Hobi amab jadi tarikan pelancong ke Ranau. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/10/207419/hobi-arnab-jadi-tarikan-pelancong-ke-ranau>
- Baharin, H.B. (2016, July 16). Zetty Roses bermula dari minat bertukar nursery. *Berita Harian Online*. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/07/173984/zetty-roses-bermula-dari-minat-bertukar-nursery>
- Khairi, I. (2008, November 15). *Mengubahkan hobi menjadi perniagaan*. Dimuat turun daripada <https://www.irfankhairi.com/blog/perniagaan/hobi/>
- Nor 'Asyikin Mat Hayin (5 Ogos 2020). Bukan ustaz biasa-biasa. MyMetro Online. Dimuat turun daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/02/545114/bukan-ustaz-biasa-biasa>



Menjana Pendapatan Melalui Hobi

Pertamanya, menjana pendapatan melalui hobi memerlukan minat yang mendalam dan semangat yang tinggi.